

Institusi mendukung usaha k'jaan

UB 7.4.2018 B3

Oleh HENRY BATING

► Madius yakin bahasa ibunda tidak lagi berisiko pupus

TUARAN: Bahasa Kadazandusun tidak lagi berisiko pupus di dalam arus pemodenan masa kini kerana sudah wujud institusi yang bekerjasama dan bertanggungjawab dalam memelihara dan memelihara bahasa itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta beserta badan-badan bukan kerajaan (NGO) telah mengambil inisiatif bersama memekarkan penggunaan bahasa Kadazandusun.

“Pelbagai program telah dijalankan berjaya mendukung usaha kerajaan untuk memperbanyakkan lagi pengetengahan hasil kajian yang dapat dijadikan bahan rujukan pembelajaran dan pelestarian bahasa Kadazandusun,” kata Madius yang juga Ahli Parlimen

Tuaran.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Bahasa, Budaya Dan Sastera Masyarakat Kadazan Dusun di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kent, di sini 27 Mac lalu.

Majlis penutupan seminar itu pula telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun yang juga Exco Pendidikan Sabah hari yang sama.

Seminar itu merupakan yang pertama seumpamanya dianjurkan bersama IPG Kent Tuaran dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.

Jurucakap penganjur Linah Bagu berkata, seminar itu telah mengambil tema ‘Mengkaji Bahasa Melestari Budaya’ yang buat kali



MASIDI dialu-alukan ke majlis perasmian penutupan.

pertama diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran.

Seminar ini telah dijalankan sepanjang sehari 27 Mac bermula 7.30 pagi sehingga 11.00 malam.

“Tujuan utama pelaksanaan seminar ini

adalah untuk berkongsi pengalaman dan dapatan kajian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pelestarian budaya dan sastera masyarakat Kadazan Dusun di samping menyebarkan penemuan serta dapatan kajian dalam bidang bahasa, budaya dan sastera masyarakat itu,” katanya.

Beliau menegaskan, kesedaran tentang pentingnya warisan masyarakat Kadazan Dusun ini dikaji, dipelihara dan dilestarikan sebagai satu khazanah berharga khususnya kepada generasi muda di Malaysia telah mencetuskan idea untuk



MADIUS bersama sebahagian peserta seminar.

merancang seterusnya melaksanakan aktiviti seminar khusus berkaitan dengan penyelidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa, pelestarian budaya serta sastera warisan masyarakat Kadazan Dusun di Malaysia.

Seminar ini juga turut melibatkan rakan-rakan pintar berkaitan iaitu UMS, UiTM Cawangan Sabah, JPNS, PDIS, KDCA, USDA, KLF, KSS, Persatuan Suang Lotud dan SIDMA College.

Menurut Linah, penganjur seminar tersebut bukan sahaja dapat mempertemukan para pengkaji dan penyelidik bahasa, budaya dan sastera warisan masyarakat Kadazan Dusun Malaysia, malah dapat mengumpul dan seterusnya menerbitkan satu kompilasi hasil pembentangan dalam

bentuk buku ataupun e-prosiding yang boleh dikongsi oleh khalayak umum dan masyarakat antarabangsa.

Seminar tersebut telah disertai oleh lebih 160 orang guru Bahasa Kadazandusun di sekolah seluruh Sabah, 50 pelajar pengajian bahasa Kadazandusun IPG Kampus Kent, Tuaran dan 40 orang peserta luar yang mewakili persatuan-persatuan dan organisiran pintar seperti UMS, UiTM Cawangan Sabah, JPNS, PDIS, KDCA, USDA, KLF, KSS, Persatuan Suang Lotud dan SIDMA College.

Seramai 34 pemakalah telah membentangkan kertas kerja yang meliputi aspek bahasa, sejarah, budaya dan sastera masyarakat Kadazan Dusun melalui empat tempat pembentangan selari.

Turut hadir Pengarah IPG

Kampus Kent Romli Darus dan Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI Prof. Dr. Mahzan Arshad.

Dua pembentang turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI dan Datuk Dr. Haji Janathan Kandok Presiden Pertubuhan Dusun Islam Sabah (PDIS).

Linah Bagu selaku Pengerusi dan Penyelaras Seminar menyatakan rasa terharu, gembira dan bangga kerana seminar yang julung kalinya diadakan itu berjaya mendapat sambutan dan sokongan pelbagai pihak.

Sementara Romli Darus berharap agar seminar seumpama ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang dengan lebih baik dan berimpak tinggi.

“Pelbagai program telah dijalankan berjaya mendukung usaha kerajaan untuk memperbanyakkan lagi pengetengahan hasil kajian yang dapat dijadikan bahan rujukan pembelajaran dan pelestarian bahasa Kadazandusun.”

DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi